

0084

U B322 AAB
MAHATHIR - BELIA

PETALING JAYA, 25 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA PERHIMPUNAN BELIA SEDUNIA (WAY) BOLEH MEMBANTU PARA BELIA DI SELURUH DUNIA MEMERANGI MASALAH PENAGIHAN NAJIS DADAH DENGAN MENGANJURKAN KEGIATAN YANG BERMANFAAT UNTUK KELAB ATAU PERTUBUHAN BELIA.

KATANYA, WAY HENDAKLAH MENGANJURKAN KEGIATAN-KEGIATAN UNTUK GOLONGAN MUDA YANG DAPAT MENYATU-PADUKAN MEREKA MELALUI GERAK KERJA YANG SIHAT DAN MENDATANGKAN FAEDAH KEPADA MASYARAKAT.

+SAYA BERHARAP WAY AKAN MEMBANTU GOLONGAN BELIA MEMERANGI GEJALA NAJIS DADAH MEMANDANGKAN GOLONGAN ITULAH YANG AKAN MENJADI PEMIMPIN PADA MASA DEPAN,+ KATANYA PADA MAJLIS MAKAN MALAM DAN PEYAMPAIAN HADIAH BELIA DUNIA SEMENA ULANG TAHUN KE-40 WAY, DI SINI MALAM INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MEMANDANGKAN MASALAH PENAGIHAN DADAH IALAH MASALAH ANTARABANGSA DAN GOLONGAN BELIA MENJADI SASARAN GEJALA ITU MAKA SEMUA KELAB DAN PERTUBUHAN YANG TERBABIT DENGAN BELIA HENDAKLAH BEKERJASAMA UNTUK MEMBANTERASNYA.

+LEBIH BANYAK TERDAPATNYA KELAB DAN PERTUBUHAN BELIA SEMAKIN BAIKLAH PELUANG UNTUK MEMERANGI NAJIS DADAH,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

MENGENAI +HADIAH BELIA SEDUNIA PERDANA MENTERI MALAYSIA+, BELIAU BERKATA, HADIAH ITU BUKANLAH MERUPAKAN HADIAH BELIAU TETAPI IA DINAMAKAN ATAS NAMA PERDANA MENTERI MALAYSIA. -- LAGI.

0032MST 26 08 90

0087

U B324 AAB
MAHATHIR - BELIA 2 PETALING JAYA

I

MAJLIS BELIA MALAYSIA (MBM) TERPILIH SEBAGAI PEMENANG PERTAMA HADIAH BELIA DUNIA PERDANA MENTERI MALAYSIA ITU KERANA KEJAYAAN MEREKA MENGANJURKAN PELBAGAI KEGIATAN BAGI BELIA UNTUK BEBERAPA KETIKA DI NEGARA INI.

SERAMAI KIRA-KIRA 32 PERTUBUHAN BELIA DI SELURUH DUNIA BERTANDING MEREKUT HADIAH ITU.

SEMENTARA ITU, MENTERI BELIA DAN SUKAN, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK BERKATA, BELIAU TIDAK TERKEJUT YANG MALAYSIA MUNCUL SEBAGAI PEMENANG KERANA NEGARA INI SENTIASA MENEKANKAN TENTANG PENTINGNYA PEMBANGUNAN SEBENAR UNTUK GOLONGAN BELIA.

PERTUBUHAN BELIA BULAN SABIT PAKISTAN DAN PERTUBUHAN KOPERATIF BELIA ARGENTINA MUNCUL SEBAGAI PEMENANG-PEMENANG KEDUA MANAKALA MALAWIS YOUNG PIONEERS MUNCUL SEBAGAI PEMENANG KETIGA.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PARA PEMEMANG.-- BERNAMA/RA.

0049MST 26 08 90